

### Tingkatan 3: Bab 4 Kerjasama Antara Kaum Ke Arah Kemerdekaan 种族间的合作以迈向独立

#### Pengenalan 识别

1. Membina sebuah negara yang merdeka dan berdaulat seperti yang kita nikmati pada hari ini bukanlah mudah.

要建立一个我们今天享受的独立主权的国家，是不容易的。

2. Latihan berkerajaan sendiri terpaksa dilalui untuk memastikan rakyat tempatan mampu mentadbir negara.

被迫经历自己执政的训练，以确保当地人民能够管理国家。

3. Bukan setakat itu sahaja, rakyat pelbagai kaum perlu bekerjasama dan bermuafakat untuk memastikan kemerdekaan negara dapat dicapai.

不仅如此，各个种族需要合作和团结一致，以确保国家的独立能够实现。

4. Kebijakan pemimpinan-pemimpin kita yang terdahulu telah berjaya mencapai kemerdekaan negara melalui perundingan tanpa pertumpahan darah sewajarnya kita hargai.

我们以前智慧的领导人通过不流血的谈判取得了独立，我们应该珍惜。

#### 4.1 Ke arah Mencapai Perpaduan Kaum 为实现种族的团结

1. British telah memberi syarat supaya kerjasama kaum diadakan jika Tanah Melayu ingin mendapatkan kemerdekaan. Ini adalah untuk menjamin kestabilan politik dan keharmonian masyarakat.

英国开出条件，以便各个种族合作，如果马来亚想获得独立。这是为了确保政治稳定和社会和谐。

2. Kestabilan politik dan keharmonian masyarakat sangat diperlukan oleh British untuk memastikan pertumbuhan ekonomi dan pelaburannya di Tanah Melayu.

政治稳定和社会和谐，英国非常需要以确保它在马来亚的经济和投资增长。

3. Usaha untuk mencapai perpaduan kaum di Tanah Melayu telah bermula sejak tahun 1949 apabila timbul kesedaran pemimpin pelbagai kaum berbincang untuk kepentingan bersama.

马来亚于 1949 年开始努力实现统一，当各个种族的领袖意识到为了共同的利益而讨论。

#### 4.1.1 Penubuhan Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum 成立种族间关系委员会

1. Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum atau Community Liaison Committee (CLC) telah ditubuhkan pada bulan Januari 1949.

种族间关系委员会或社区联络委员会（CLC）成立于 1949 年 1 月。

#### Mesej Focus 资讯焦点

Dilahirkan di Bukit Gambir, Muar, Johor, Dato' Onn ialah anak kepada Dato' Ja'afar bin Haji Muhammad. Menteri Besar Johor yang pertama. Beliau merupakan kerabat diraja Johor dan dipelihara oleh Sultan Ibrahim Ibni Sultan Abu Bakar sejak kecil dan mendapat pendidikan Melayu sebelum melanjutkan pelajarannya ke England. Dato' Onn bekerja sebagai wartawan pada tahun 1930 ketika berumur 35 tahun dan pada tahun 1934 menjadi pengarang Lembaga Malaya dan Warta Malaya. Beliau juga pernah menjadi ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Johor. Semasa zaman pendudukan Jepun Dato' Onn menjadi Pengawal Makanan Negeri Johor.

出生于柔佛州的麻坡的 **Bukit Gambir**, **Dato' Onn** 是 **Dato' Ja'afar bin Haji Muhammad** 的儿子。柔佛州第一任首席部长。他是柔佛王室并从小受到 **Ibrahim** 苏丹 (**Abu Bakar** 苏丹的儿子) 的照顾, 并在他去英国深造之前接受被马来教育。在 **1930** 年, **Dato' Onn** **35** 岁时, 担任记者并于 **1934** 年成为马来亚董事会马来亚新闻报的笔者。他也是柔佛州国务委员会。在日军占领期间, **Dato' Onn** 成为柔佛食品监控官。

2. CLC merupakan satu jawatankuasa yang dianggotai oleh pemimpin pelbagai kaum di Tanah Melayu. Tujuannya adalah untuk mewujudkan persefahaman antara kaum yang akhirnya membawa kepada perpaduan kaum.

**CLC** 是一个各种马来亚种族领导参与的委员会。它的目的是创造种族间互相了解, 最终导致各种族之间团结。

3. Pada mulanya, CLC hanya dianggotai oleh dua kaum terbesar di Tanah Melayu, iaitu kaum Melayu dan Cina. Orang Melayu di bawah naungan UMNO diketuai oleh Dato' Onn bin Ja'afar manakala orang Cina di bawah naungan Malayan Chinese Associations (MCA) diterajui oleh Tun Tan Cheng Lock.

在开始的时候, **CLC** 只有两个在马来亚最大的种族, 那就是马来人和华人。马来人由 **Dato' Onn bin Ja'afar** 率领的巫统带领着, 而华人由敦陈祯禄为首的马来西亚华人公会 (**MCA**) 领导。

4. Pada bulan Ogos 1949, CLC telah dianggotai oleh kaum lain seperti India, Ceylon, Serani, dan Eropah.

在 **1949** 年 **8** 月, **CLC** 也有其他种族参加, 如印度人, 锡兰人 (**Ceylon**; 就是斯里兰卡人), **Serani** 人 (混血儿: 葡萄牙人和本地人) 和欧洲人。

5. CLC telah mengadakan beberapa rundingan. UMNO yang menaungi orang Melayu menuntut ketuanan Melayu dikekalkan tetapi ditentang oleh pemimpin kaum lain. Hasilnya, beberapa tolak ansur telah dipersetujui.

**CLC** 举行几次会谈。荫庇马来人的巫统主张保持马来人的霸主地位, 但是由其他种族领袖反对。其结果是, 一些妥协被同意。

#### Hasil rundingan UMNO-CLC 巫统-CLC 谈判的结果

- |  |
|--|
| <p>(a) Syarat kerakyatan dilonggarkan.<br/>宽松公民权的条件。</p> <p>(b) Orang Melayu diberi bantuan ekonomi dan pelajaran.<br/>给予马来人经济和教育的援助。</p> <p>(c) Sistem pendidikan yang mewajibkan penggunaan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar diwujudkan.<br/>教育系统规定使用马来语和英语为中间语言。</p> <p>(d) Pilihan raya peringkat majlis bandaran, negeri, dan Majlis Perundangan Persekutuan (MPP) akan diadakan.<br/>将举行县级, 州级和联邦立法会 (<b>SRC</b>) 的大选。</p> |
|--|

6. Hasil rundingan tersebut dilaksanakan selepas tahun 1951. Kesemua persetujuan ini dicapai sebagai satu kerjasama kaum untuk mencapai kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu.

这些谈判的结果 **1951** 年后实行。达到每个协议作为种族之间的合作以为了获得马来亚联合邦的独立。

#### 4. 1. 2 Usaha Parti-parti Politik Mewujudkan Perpaduan Kaum 政党打造种族团结的努力

1. Sebagai usaha untuk melahirkan perpaduan kaum, beberapa buah parti politik telah ditubuhkan. Antara parti tersebut ialah :

作为打造种族团结的努力, 多个政党相继被成立。这些政党主要有:

(a) Independence of Malaya Party (IMP)

马来亚独立党 (IMP)

(b) Parti Negara

## 国家党

2. Sebagai usaha untuk melahirkan kerjasama politik, Menteri Besar, pihak British, dan Parti Negara telah mengadakan Konferensi Nasional.

作为产生政治合作的努力，首席部长，英国和国家党举行的国家会议。

3. Parti-parti lain yang berasaskan kaum tertentu seperti UMNO, MCA, dan MIC telah bekerjasama menubuhkan Parti Perikatan.

其它基于种族的政党比如巫统，马华，国大党，合作建立联盟党。

4. Sementara itu dalam Konvensi Nasional, Persatuan Islam Se-Malaya (PAS) telah bekerjasama dengan UMNO.

与此同时，伊斯兰党（PAS）在国民大会里与巫统合作。

5. Untuk mencari jalan merealisasikan perpaduan kaum, Konferensi Nasional dan Konvensi Nasional menjadi medan perbincangan pelbagai parti politik.

为了找出方法来实现种族团结，国家会议和国民大会成为各政党进行讨论的平台。

6. Kepentingan mengadakan pilihan raya turut dibincangkan dalam persidangan tersebut.

举行选举的重要性也在这会议里讨论。

Tarikh 日期	Persidangan 会议
Februari 1954 二月 1954 年	Konferensi Nasional telah diadakan oleh pihak British. 英国举行全国会议。
Ogos 1954 八月 1954 年	Konvensi Nasional telah diadakan oleh pihak UMNO. 巫统党举行国民大会。

7. Parti-parti politik yang berusaha mewujudkan perpaduan kaum ialah :

努力打造种族团结的政党有：

Parti 党/ Tahun penubuhan 成立的年份/ Tokoh utama 主要人物	Usaha ke arah perpaduan kaum 迈向种族团结的努力
UMNO 巫统 1946 Dato' Onn Ja'afar	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Membuka keahlian UMNO kepada orang bukan Melayu.</li> <li>• 开放巫统党员资格给非马来人</li> <li>• Syarat kerakyatan Persekutuan dan Negeri dilonggarkan.</li> <li>• 放松联邦和各州公民权的条件。</li> <li>• Mencadangkan Sistem Ahli.</li> <li>• 建议会员制度。</li> <li>• Parti Perikatan telah ditubuhkan oleh Tunku Abdul Rahman.</li> <li>• 由东姑阿都拉曼成立联盟党。</li> </ul>
MIC 国大党 1946 K.L Devaser	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menyokong perjuangan Dato' Onn Ja'afar dan IMP tentang kerjasama kaum dalam sebuah parti.</li> <li>• 支持 Dato' Onn Ja'afar 和马来亚独立党有关在各种族合作于一个政党中的奋斗。</li> <li>• Menganggotai Parti Perikatan pada tahun 1955.</li> <li>• 在 1955 年加入联盟党。</li> </ul>
MCA 马华 1949 Tun Tan Cheng Lock	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menyokong perjuangan Dato' Onn Ja'afar dan IMP tentang kerjasama kaum dalam sebuah parti.</li> <li>• 支持 Dato' Onn Ja'afar 和马来亚独立党有关在各种族合作于一个政党中的奋斗。</li> <li>• Menyokong Parti Perikatan yang dibentuk oleh Tunku Abdul Rahman.</li> <li>• 支持由东姑阿都拉曼成立的联盟党。</li> </ul>
IMP 马来亚独立党 1951 Dato' Onn Ja'afar	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mencadangkan konsep kerjasama kaum dalam sebuah parti.</li> <li>• 建议各种族合作于一个政党中的概念。</li> <li>• Membuka keahlian kepada semua kaum.</li> </ul>

	开放党员资格给所有种族。
PAS 伊斯兰党 1951 Haji Ahmad Fuad	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Membuka keahlian parti kepada semua orang Islam tanpa mengira kaum.</li> <li>• 开放党员资格给所有回教徒不分种族。</li> <li>• Menyertai Konvensi Nasional anjuran UMNO pada tahun 1954.</li> <li>• 参加由巫统在 1954 年举办的国民大会。</li> </ul>
Parti Negara 国家党 1954 Dato' Onn Ja'afar	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Terbuka kepada semua kaum dan mendukung konsep kerjasama kaum dalam satu parti.</li> <li>• 开放给所有种族和抱着各种族合作于一个政党中的概念。</li> <li>• Menerima kerakyatan jus soli dengan syarat ibu atau bapa telah menjadi warganegara Tanah Melayu.</li> <li>• 接受出生地法公民权条件，父亲或母亲是马来亚公民。</li> </ul>

#### 4.1.3 Pendidikan Alat Perpaduan 教育是团结的工具

1. Sistem pendidikan memainkan peranan penting dalam mewujudkan perpaduan rakyat khususnya di kalangan generasi muda Tanah Melayu.

教育制度在打造人民尤其是马来亚年轻一代的团结具有重要的作用。

2. Melalui satu sistem pendidikan yang sama, penduduk Tanah Melayu akan dapat disatukan dengan perasaan taat setia mereka yang tidak berbelah bahagi terhadap Tanah Melayu.

通过相同的教育制度，马来亚人民将通过他们对马来亚坚定不移的忠诚来统一。

3. Sistem pendidikan sebelum merdeka belum mampu untuk mewujudkan perpaduan kerana pada ketika itu terdapat lima sistem pendidikan yang berbeza.

在独立之前的教育制度一直未能打造团结，因为在那个时候有五个不同的教育制度。

4. Perbezaan sistem pelajaran seperti ini menjadikan perbezaan politik, ekonomi, dan sosial semakin buruk sehingga menghalang perpaduan rakyat di Tanah Melayu.

这样的教育系统上的差异让政治，经济和社会的差异日益恶化，甚至阻止马来亚人民的团结。

5. Mereka juga terpisah-pisah mengikut tempat tinggal dan mengamalkan budaya serta kepercayaan masing-masing. Malah tiada satu bahasa kebangsaan yang memudahkan mereka berkomunikasi.

他们也根据居住的地方分开并实践自己的文化和信仰。而且，没有一个能使他们容易沟通的全国语言。

6. Perkara ini sudah tentu berbahaya kepada sebuah negara yang mempunyai masyarakat pelbagai bangsa yang sedang berusaha mendapatkan kemerdekaan.

这件事情当然对一个正在寻求独立的多元种族国家有危险。

7. Kerajaan British mula menyedari keadaan ini lebih-lebih lagi apabila berlaku penyusupan fahaman komunis melalui sekolah-sekolah Cina.

英国政府开始意识到这个情况，尤其是共产主义通过华校渗入。

#### A Sekolah agama Islam 回教宗教学校

1. Terdiri daripada sekolah agama, sekolah agama rakyat, sekolah pondok, dan madrasah.

由宗教学校，人民宗教学校，寄宿学校和伊斯兰学院组成的。

2. Bahasa Melayu atau Arab digunakan sebagai bahasa pengantar.

马来语或阿拉伯语作为教学语言。

3. Mengajar terutamanya pelajaran agama. Dibiayai oleh orang perseorangan.

特别教导宗教教育。由个人支付。

4. Bebas daripada kawalan kerajaan British.

不受英国政府的管制。

5. Menyediakan pengajian di peringkat sekolah rendah dan menengah.

提供小学和中学的教育水平。

6. Pelajar-pelajar lepasan sistem ini berpeluang melanjutkan pelajaran ke Indonesia, India, dan Mesir.

这制度的离校生有机会去印尼，印度和埃及深造。

### **B. Sekolah vernakular Melayu 马来方言学校**

1. Didirikan oleh kerajaan British.

由英国政府成立。

2. Menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar.

使用马来语为教学媒介。

3. Hanya menyediakan pelajaran di peringkat sekolah rendah.

只提供在小学教育水平。

4. Dibina di kawasan luar bandar.

建在农村地区。

5. Persekitaran belajar yang serba kekurangan.

缺乏学习环境。

6. Kurang mendapat sambutan terutamanya pada peringkat awal kerana tiada pelajaran al-Quran.

较少获得好评，尤其是早期阶段因为没有学习可兰经。

7. Pelajar lepasan sekolah ini hanya berpeluang melanjutkan pelajaran ke Maktab Perguruan Sultan Idris (MPSI).

这个学校离校生只是有机会在 Idris 苏丹师训学院 (MPSI) 深造。

8. Pelajar lepasan sekolah ini tiada peluang menjawat jawatan tinggi.

这个学校的离校生没有机会任职高职位。

### **C. Sekolah vernakular Cina 华语方言学校**

1. Ditubuhkan oleh pihak persendirian dan parti-parti politik.

由个人和政党创办。

2. Ditubuhkan sejak akhir kurun ke-19.

成立于 19 世纪末期。

3. Menggunakan bahasa Cina khususnya Mandarin sebagai bahasa pengantar.

使用华语尤其是普通话作为教学语言。

4. Sukatan pelajaran, guru, dan buku teks dibawa dari negara China.

课程大纲，教师和课本来自中国。

5. Bertujuan untuk mengekalkan identiti kecinaan di Tanah Melayu.

目的是在马来亚维护华人的身份。

6. Berkembang pesat sebagai institusi ilmu, budaya, dan bahasa Cina.

迅速发展为知识，文化，和华语的学府。

7. Mendapat sokongan penuh daripada masyarakat Cina.

得到华社全力的支持。

8. Menyediakan pelajaran di peringkat sekolah rendah dan menengah.

提供小学和中学的教育水平。

9. Lepas sekolah Cina berpeluang melanjutkan pelajaran ke pusat pengajian tinggi di China.

华校的离校生有机会去中国的高等院校教育深造。

#### **D. Sekolah vernakular Tamil 淡米尔文学校**

1. Ditubuhkan oleh pihak estet sebagai tanggungjawab sosial.

由房地产成立作为一种社会的责任。

2. Menggunakan bahasa Tamil sebagai bahasa pengantar.

使用淡米尔语为教学语言。

3. Sukatan pelajaran berorientasikan sistem pendidikan negara India.

课程大纲是以印度的教育制度为本。

4. Guru yang mengajar juga dibawa masuk dari India.

教师也是来自印度。

5. Persekitaran belajar yang serba kekurangan.

缺乏学习环境。

6. Hanya menyediakan pelajaran di peringkat sekolah rendah.

只提供在小学的教育水平。

7. Kurang mendapat sambutan kerana ibu bapa suka anak mereka membantu bekerja di ladang.

不被人接受，因为家长更喜欢自己的孩子在农场帮助工作。

8. Tidak berpeluang untuk menjawat jawatan tinggi.

没有机会任职高级职位。

#### **E. Sekolah vernakular Inggeris 英语学校**

1. Ditubuhkan sejak kurun ke-19 terutamanya oleh mubaligh Kristian.

成立于 19 世纪，主要是由基督教传教士成立的。

2. Menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar.

以英语作为教学语言。

3. Diambil alih oleh kerajaan British kerana keperluan tenaga pekerja rendah dalam sektor kerajaan dan swasta.

由英国政府接管因为政府和私营部门对低劳工的需求量。

4. Didirikan di bandar-bandar sahaja.

只建立在城市。

5. Pelajar lepasan sekolah ini berpeluang melanjutkan pelajaran ke peringkat kolej dan universiti dalam dan luar negara.

这个学校离校生有机会在国内和国外的学院和大学深造。

6. Pelajar lepasan sekolah ini juga berpeluang menjawat jawatan tinggi.

这个学校离校生有机会任职高职位。

7. Dipandang tinggi oleh masyarakat.

被社会高看。

#### **4. 1. 4 Cadangan Laporan Pelajaran Tanah Melayu 马来亚教育报告的建议**

1. Untuk membaiki jurang perbezaan pendidikan dan menjana semangat perpaduan di kalangan rakyat di Tanah Melayu, beberapa laporan pelajaran telah diadakan.

为了改善教育上的差距和在马来亚产生人民的团结精神，举行了一些教育报告。

2. Laporan ini memberi cadangan untuk melahirkan satu sistem pendidikan kebangsaan supaya pelajar dapat belajar dalam sistem pendidikan yang sama dan menumpukan kesetiaan mereka kepada Tanah Melayu.

这报告提供建议，以打造一个全国性的教育制度，使学生可以在同一个教育制度中学习并对马来亚忠诚。

#### **A. Laporan Barnes 1951 (1951 年巴恩斯 (Barnes) 报告)**

1. Sekolah rendah adalah wajib.

小学是强制性的。

2. Sekolah rendah menggunakan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris sebagai pengantar.

小学用马来语和英语作为教学语言。

3. Sekolah menengah menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar.

中学使用英语作为教学语言。

4. Bahasa ibunda diajar jika terdapat 15 orang pelajar yang memohon.

教导母语，如果有 15 名学生申请。

5. Sistem latihan perguruan yang sama.

同一个教师培训的制度。

6. Sistem peperiksaan dan sistem nazir yang sama.

同一个考试制度和督察制度。

#### **B. Laporan Fenn-Wu 1951 (1951 年 Fenn-Wu 报告)**

1. Menolak sistem pendidikan cadangan Laporan Barnes.

拒绝 Barnes 报告建议的教育制度

2. Bertujuan mengekalkan identiti sistem pendidikan vernakular Cina.

目的是维护华语方言学校的特性。

#### **C. Ordinan Pelajaran 1952 (1952 年教育条例)**

1. Sekolah rendah menggunakan bahasa Melayu.

小学使用马来语。

2. Sekolah menengah menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar.

中学使用英语作为教学语言。

3. Sistem peperiksaan, sukatan pelajaran, latihan perguruan, dan sistem nazir adalah sama.

同一个考试制度，课程大纲，教师培训和督察制度。

4. Pendidikan sekolah rendah adalah wajib.

小学教育是强制性的。

#### **D. Laporan Razak 1956 (1956 年 Razak 报告)**

1. Mengadakan sistem sekolah umum dengan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di sekolah rendah dan menengah.

举办公立学校的制度，在小学和中学用马来语为教学语言。

2. Mengadakan sekolah jenis umum dengan bahasa Cina, bahasa Tamil, dan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar.

举办公立类型学校用华语，淡米尔语和英语作为教学语言。

3. Pendidikan rendah adalah wajib.

小学教育是强制性的。



4. Sukatan pelajaran, sistem peperiksaan, latihan perguruan, dan sistem nazar adalah sama.

一样的课程大纲，考试制度，教师培训院和督察制度。

5. Bahasa ibunda diajar jika terdapat 15 orang pelajar yang memohon.

教导母语，如果有 15 名学生申请。

### **Kesimpulan daripada Laporan Pelajaran 教育报告的结论**

1. Keempat-empat laporan pendidikan tersebut mempunyai hubungan yang jelas antara satu sama lain.

四份的教育报告，彼此之间具有明显的关系。

2. Laporan Barnes telah menjadi asas laporan pelajaran yang lain. Laporan Barnes telah diakui oleh Ordinan Pendidikan 1952. Misalnya dalam soal bahasa pengantar bagi sekolah dan mewajibkan pelajaran di sekolah rendah. **Barnes** 报告成为其他教育报告的基础。**Barnes** 报告被 1952 年教育条例承认。比如，在学校的教学语言和强制性的小学教育。

3. Walau bagaimanapun, Laporan Fenn-Wu telah menolak penggunaan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar dan menuntut bahasa Mandarin menjadi pengantar di sekolah Cina. Dengan itu, Laporan Fenn-Wu mahu terus mengekalkan sekolah aliran Cina sebagai satu sistem pendidikan yang tersendiri.

然而，**Fenn-Wu** 报告拒绝使用马来语和英语作文教学语言，并要求普通话作为华校的教学语言。因此，**Fenn-Wu** 报告要继续保持华校作为与众不同的教育制度。

4. Ini menyebabkan matlamat untuk menggunakan sistem pendidikan sebagai alat perpaduan rakyat di Tanah Melayu tidak dapat dilaksanakan.

这导致无法实现以利用教育制度作为团结马来亚人民的方法的目标。

5. Penyata Razak 1956 juga menerima Laporan Barnes tetapi demi tolak ansur politik, penyata ini membenarkan penggunaan bahasa pengantar vernakular sepuluh tahun selepas merdeka.

**1956 年 Razak** 报告也接受 **Barnes** 报告，但为了政治妥协，这声明报告允许独立后的十年用方言作文教学语言。

6. Sekolah-sekolah vernakular akan beransur-ansur menjadi sekolah umum yang akan menggunakan bahasa pengantar kebangsaan, iaitu bahasa Melayu. Dengan pelaksanaan Penyata Razak mulai tahun 1961, maka sistem pelajaran kebangsaan semakin menjadi realiti.

方言学校将逐步成为将使用民族语言为教学语言的公立学校，那就是马来语。随着 **Razak** 声明于 1961 年开始实行，全国性的教育制度日益成为现实。

7. Berdasarkan laporan-laporan pelajaran yang dikemukakan, jelas usaha untuk mencapai perpaduan di kalangan rakyat Tanah Melayu menjadi matlamat utama.

根据提交的教育报告，实现马来亚人民的团结成为主要目标的努力是非常明确。

Ciri-ciri pelajaran ke arah perpaduan dapat dilihat seperti berikut :

迈向种族团结的教育制度可以从以下特征看到：

(a) Bahasa Melayu dijadikan bahasa pengantar bagi melahirkan perpaduan di kalangan rakyat.

使用马来文作为教学语言以促进人民之间的团结。

(b) Mengadakan bahasa pengantar yang seragam bagi sekolah rendah dan menengah.

统一小学和中学的教学语言。

(c) Penggunaan sukatan pelajaran, sistem peperiksaan, serta sistem pentadbiran yang sama dan berpusat.

一样和集中式的课程大纲，考试制度，教师培训院和督察制度。

#### 4.2 Kerjasama Kaum ke Arah Berkerajaan Sendiri 迈向自治的种族合作

1. Kerajaan British telah menetapkan kerjasama kaum sebagai pra-syarat bagi Tanah Melayu untuk berkerajaan sendiri.

英国政府规定种族合作作为马来亚自治的先决条件。

2. Kerjasama kaum akan menjamin perpaduan rakyat dan seterusnya menjamin kepentingan ekonominya di Tanah Melayu tidak terjejas.

种族合作将确保人民团结，从而确保英国在马来亚的经济利益不会受到影响。

3. Oleh sebab itu, sejak tahun 1951 kerajaan British telah menekankan kerjasama kaum dalam setiap langkah ke arah berkerajaan sendiri.

因此，自 1951 年以来，英国政府一直强调迈向自治每一步合作的种族合作种族合作。

#### 4.2 Sistem Ahli 成员制度

1. Sistem Ahli merupakan suatu sistem pentadbiran yang melatih orang Melayu dan kaum lain dalam pentadbiran tanah Melayu.

成员制度属于行政制度以栽培在马来亚的马来人和其他种族的行政管理能力。

2. Sistem Ahli diperkenalkan pada tahun 1951. Idea penubuhan Sistem Ahli telah diilhamkan oleh Dato' Onn Ja'afar dan mendapat sokongan kerajaan British dan Raja-raja Melayu.

成员制度于 1951 年推出了。建立成员制度的灵感来自 Dato' Onn Ja'afar 并得到英国政府和马来统治者的支持。

3. Cadangan ini selaras dengan niat British untuk menjalankan satu dasar yang dikenali sebagai dekolonisasi. Kerajaan British berpendapat bahawa Sistem Ahli akan dapat mengurangkan tekanan Parti Komunis Malaya (PKM) yang sedang berusaha meluaskan pengaruhnya di kalangan penduduk Tanah Melayu.

这个建议与英国实行的非殖民化政策的用意是一致的。英国政府认为，成员制度将能减少马来亚共产党（PKM）试图扩大它在马来亚人民中的影响力的压力。

4. Sistem Ahli dilaksanakan pada bulan April 1951 sehingga bulan Jun 1955.

成员制度实施于 1951 年 4 月至 1955 年 6 月。

#### 5. Ciri-ciri Sistem Ahli 成员制度的特征

(a) Satu sistem kabinet bayangan (seakan-akan kabinet menteri di negara yang merdeka tetapi tidak dipilih secara pilihan raya) yang mengandungi beberapa orang pegawai tadbir atau tokoh masyarakat.

一个模拟的内阁制度（好像一个独立国家的内阁部长，但不是由选举产生的），其中包含一些行政官员或重要人物。

(b) Anggotanya dikenali sebagai Ahli. Misalnya Ahli Pelajaran (seolah-olah Menteri Pelajaran).

会员称为成员。例如，教育会员（好像教育部长）。

(c) Pelantikan dibuat oleh Pesuruhjaya Tinggi British dengan persetujuan Majlis Raja-raja Melayu.

委任是由英国高级专员进行并得到马来统治者委员会的批准。

(d) Ahlinya terdiri daripada sembilan orang anggota, iaitu lima orang penduduk Tanah Melayu dan empat orang pegawai Inggeris. Daripada lima orang penduduk Tanah Melayu, tiga daripadanya orang Melayu, seorang Cina, dan seorang India.

成员是由九名会员组成，五人分别为马来亚人民和四个英国官员。五人来自马来西的人民包括，三个马来人，一个华人和一个印度人。

(e) Ahli-ahli diletakkan di bawah kuasa Pesuruhjaya Tinggi British.

会员都划归在英国高级专员的权力之下。

Anggota Sistem Ahli (penduduk tempatan) 成员制度的会员（当地人民）	
Nama 名字	Portfolio 部长职务
Dato'Onn Jaafar	Ahli Hal Ehwal Dalam Negeri (1951-1955) 民政事务成员
Dato'Mahmud Mat	Ahli Tanah, Perlombongan dan Perhubungan (1951-1954) 土地，矿业和运输成员
Tunku Yaakob Almarhum Sultan Abdul Hamid Halim Shah	Ahli Pertanian dan Perhutanan (1951-1955) 农业森林会员
Dato' E. E. C. Thuraisingam	Ahli Pelajaran (1951-1955) 教育会员
Dr. Lee Tiang Keng	Ahli Kesihatan (1951-1954) 健康会员

6. Pada tahun 1955, wakil UMNO, Tun Dr. Ismail Abdul Rahman dan wakil MCA, Tun H. S. Lee telah dilantik menganggotai Sistem Ahli.

**1955 年，巫统代表，Tun Dr. Ismail Abdul Rahman 和马华代表，Tun H. S. Lee 被任命为成员制度的会员。**

7. Sistem Ahli menggambarkan proses perpaduan kaum yang kukuh di Tanah Melayu. Ini adalah kerana ahli-ahli yang dilantik adalah gabungan pemimpin pelbagai kaum di negara ini.

成员制度体现马来亚建立种族之间强大的团结过程。这是因为被委任的是由全国各族领袖联合而成的。

8. Kerjasama kaum melalui Sistem Ahli merupakan unsur penting untuk menentukan kemerdekaan yang bakal dicapai dapat diperjuangkan oleh semua penduduk pelbagai kaum di Tanah Melayu.

通过成员制度的种族合作是重要因素以确定独立可以通过马来亚所有各种族人民奋斗而实现的。

9. Sistem Ahli telah memberi pendedahan kepada penduduk tempatan untuk mentadbir dan menerajui sebuah kerajaan walaupun Tanah Melayu masih dikuasai oleh British.

成员制度让当地居民接触行政管理和领导一个政府，虽然马来亚仍然由英国政府控制。

#### 4. 2. 2 Kelonggaran Syarat Kerakyatan Persekutuan 放宽联邦公民的条件

1. Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum yang ditubuhkan pada tahun 1949 telah mencadangkan agar syarat kerakyatan Persekutuan Tanah Melayu dilonggarkan.

成立于 1949 年的种族间关系委员会建议以便，放宽马来亚联邦公民的条件。

2. Cadangan tersebut bertujuan untuk memberi taraf kewarganegaraan kepada golongan imigran supaya mencurahkan taat setia sepenuhnya kepada Tanah Melayu.

这个建议的目的是给予移民公民资格，以便移民完全忠心于马来亚。

3. Di samping itu, kelonggaran kerakyatan adalah bermatlamat untuk mengelakkan golongan imigran daripada terus terpengaruh dengan Parti Komunis Malaya.

此外，放宽联邦公民条件是为了避免移民受马来亚共产党的影响。

4. Cadangan ini telah dipersetujui oleh UMNO, Raja-raja Melayu, dan kerajaan British.

这一建议得到巫统，马来统治者和英国政府的同意。

5. Kelonggaran syarat kerakyatan ini dibuat di peringkat Persekutuan dan Negeri.

放宽联邦公民条件是在联邦国籍和州级进行。

6. Di peringkat Persekutuan, kerakyatan dilonggarkan dengan tiga cara, iaitu secara kuat kuasa undang-undang, secara permohonan, dan secara naturalisasi.

在联邦级，通过三种方式以开放国籍，即通过法律的力量，申请和入籍。

Kelonggaran syarat kerakyatan Persekutuan 开放联邦公民权

Secara kuat kuasa undang-undang 通过法律力量

- Seseorang rakyat raja di negeri Melayu.  
马来联邦国王的人民。
- Seseorang warganegara British dan koloni-koloni (Hong Kong, Australia, New Zealand, India, dan Burma) yang lahir di Negeri-negeri Selat.  
出生在海峽殖民地的英国和殖民地（香港，澳大利亚，新西兰，印度和缅甸）公民。

Secara permohonan 通过申请

- Seseorang warganegara British dan koloni-koloni yang berumur 18 tahun, berkelakuan baik, dan bersedia mengangkat sumpah taat setia kepada Persekutuan. Biasanya kerakyatan ini diberikan oleh Pesuruhjaya Tinggi kerana telah berjasa dengan Tanah Melayu.  
**18岁，行为良好，并愿意宣誓效忠联邦的英国公民和殖民地公民。通常高级专员授予这个公民权因为对马来亚有贡献。**

Secara naturalisasi 通过入籍

- Seseorang warganegara British dan koloni-koloni yang telah menetap di negeri ini selama 10 tahun daripada 12 tahun berturut-turut.  
**从12年里连续10年在这个州定居的英国公民和殖民地公民。**

7. Kerakyatan di peringkat negeri yang telah dilonggarkan dikenali sebagai Kerakyatan Negeri 1951. Ini adalah satu usaha untuk melahirkan perpaduan di kalangan penduduk negeri-negeri Melayu.

被松宽的州的公民被称为 **1951年州立公民权**。这是一项打造马来国家人民团结的努力。

8. Kelonggaran ini bertujuan untuk mengiktiraf golongan imigran sebagai rakyat Raja Melayu. Syarat-syarat Kerakyatan Negeri 1951 adalah seperti berikut :

这个松宽是为了承认移民是马来统治者的人民。**1951年州立公民权的条件如下：**

Syarat-syarat Kerakyatan Negeri 1951年州立公民权的条件	
Secara kuat kuasa undang-undang 通过法律力量	Secara permohonan 通过申请

<ul style="list-style-type: none"> <li>• Orang Asli di negeri-negeri Melayu. 马来人州的原住民。</li> <li>• Seorang Melayu yang dilahirkan di negeri Melayu. 出生在马来州的马来人。</li> <li>• Seorang bukan Melayu yang dilahirkan di negeri itu dan salah seorang daripada ibu bapa dilahirkan di Persekutuan Tanah Melayu. 出生在该州和其中一方父亲或母亲出生在马来西亚联邦的非马来人。</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Seseorang yang telah berumur 21 tahun, dilahirkan di negeri itu, berkelakuan baik, mengangkat sumpah setia kepada Raja dan melepaskan kewarganegaraan asal. 21岁，行为良好，出生在该州，发誓效忠于国王和放弃原国籍的人。</li> </ul>
--	---

9. Perubahan syarat kerakyatan ini menyebabkan rakyat Raja Melayu bukan sahaja terdiri daripada orang Melayu dan orang Asli tetapi juga golongan imigran.

这公民权条件的改变导致马来统治者的人民不仅包括马来人和原住民，还有移民者。

10. Dengan itu, kerakyatan di negeri-negeri Melayu telah berubah. Inilah asas penting sebuah kerakyatan kebangsaan Persekutuan Tanah Melayu.

因此，马来州的公民权发生了变化。这是马来西亚联邦全国公民权的重要基础。

11. Sebagai tukar ganti kepada persetujuan orang Melayu terhadap kelonggaran syarat kerakyatan Persekutuan dan Negeri, kerajaan British telah menubuhkan Lembaga Pembangunan Industri Desa atau Rural Industrial Development Authority (RIDA).

作为交换马来人对联邦和各州公民权条件的同意，英国政府成立农村工业发展局或则 **Rural Industrial Development Authority (RIDA)**。

12. Penubuhan RIDA adalah untuk membantu meningkatkan taraf sosioekonomi orang Melayu di luar bandar.

建立 RIDA 是帮助提高马来人在农村地区的社会经济水平。

13. Dato' Onn Ja'afar telah dipertanggungjawabkan menjadi Pengerusi RIDA yang pertama.

**Dato' Onn Ja'afar** 被委任成为 **RIDA** 的第一任主席。

14. RIDA kemudian digantikan dengan Majlis Amanah Raya (MARA) pada tahun 1966 dan berkekalan sehingga ke hari ini.

在 1966 年，**RIDA** 被 **Majlis Amanah Raya (MARA)** 取代并一直持续到今天。

#### 4. 2. 3 Pembentukan Parti Perikatan 联盟党的形成

1. Pembentukan Parti Perikatan merupakan satu usaha parti-parti pelbagai kaum bekerjasama dalam bidang politik untuk menuntut kemerdekaan Tanah Melayu.

联盟党的形成是各个种族的政党努力在政治领域合作，以要求马来亚的独立。

2. Pemimpin parti UMNO, MCA Dan MIC berpendapat bahawa pembentukan Parti Perikatan akan mewujudkan perpaduan dan keharmonian pelbagai kaum.

巫统党，马华及国大党的领袖认为，建立联盟将党可以打造多元种族的团结与和谐。

3. Prinsip kerjasama antara parti politik pelbagai kaum seperti Parti Perikatan lebih diterima umum berbanding kerjasama pelbagai kaum dalam satu parti yang pernah diperjuangkan oleh Dato' Onn Ja'afar melalui IMP dan Parti Negara.

各个种族政党之间合作，如联盟党的原则，更广泛地被大众接受比起 Dato' Onn Ja'afar 曾经通过 IMP 和国家党争取多元种族在一个政党里的合作。

4. Kerajaan British sentiasa memberikan sokongan terhadap kerjasama parti pelbagai kaum kerana dapat melahirkan kestabilan politik bagi menjamin kepentingan ekonominya di Tanah Melayu.

英国政府一直支持各个种族政党的合作，因为可以产生政治稳定以确保英国在马来亚的经济利益。

#### Mesej Focus 资讯焦点

Parti Perikatan ialah sebuah parti politik gabungan parti UMNO, MCA, dan MIC menggunakan lambang "Kapal Layar". Parti ini berjaya untuk memperoleh pemerintahan sendiri daripada pihak British dan menjalankan pemerintahan demokrasi sehingga hari ini. Parti ini juga berjaya memperoleh kemerdekaan daripada pihak British untuk Sabah dan Sarawak. Parti Perikatan kemudiannya ditukar kepada Barisan Nasional yang merupakan sebuah parti politik yang terdiri daripada pelbagai kaum, agama, dan budaya.

联盟党是巫统，马华，国大党结盟的政党，并用“游艇”的标志。这个政党成功从英国手里获得自治和实行民主政府直到今天。这个政党也成功为沙巴和砂拉越从英国手里获得独立。联盟党后来转换成为国阵，这是由多元种族，宗教和文化形成的政党。

5. Parti Perikatan telah dibentuk secara berperingkat-peringkat mengikut keperluan politik semasa.

联盟党是根据当前的政治需求于阶段分阶段成立的。

#### Peringkat penubuhan Parti Perikatan 成立联盟党的阶段

1952 : Pakatan UMNO Kuala Lumpur-MCA Selangor dalam pilihan raya Majlis Bandaran Kuala Lumpur. Pakatan ini menang 9 daripada 12 kerusi. Pemimpin utama UMNO dan MCA semakin bersemangat untuk mewujudkan pakatan yang lebih besar di peringkat Tanah Melayu.

1952 年：吉隆坡的巫统和雪州的马华在吉隆坡城市的选举会结盟。这个结盟从 12 个席位赢得 9 个席位。巫统和马华领袖越来越热衷在马来亚，打造更大的结盟。

1954 : Perikatan UMNO-MCA dibentuk. Kerjasama diperluas ke seluruh Tanah Melayu.

1954 年：成立巫统和马华联盟。合作扩展到整个马来亚。

1955 : Kemasukan MIC dalam Parti Perikatan. Parti Perikatan menyertai pilihan raya Majlis Perundangan Persekutuan. Parti Perikatan memenangi 51 daripada 52 kerusi yang dipertandingkan.

1955 年：国大党加入在联盟党。联盟党参加联邦立法会的选举。联盟党从 52 个竞选的席位赢得 51 个席位。

6. Kerjasama parti politik pelbagai kaum ini merupakan satu pakatan politik yang murni bukan sahaja dapat melahirkan perpaduan kaum tetapi membentuk sebuah kerajaan.

各个种族政党之间合作是一个单纯的政治结盟，不仅可以生产种族之间的团结，还形成一个政府。

7. Perpaduan kaum menjadi senjata berkesan untuk menolak pengaruh komunis yang cuba memecah-belahkan penduduk dan mengancam perkembangan ekonomi sejak sekian lama. Kerjasama kaum dalam Parti Perikatan semakin melemahkan pengaruh Parti Komunis Malaya.

种族之间的团结成为一个有效的武器来对抗多年来试图分化人民和威胁经济增长的共产党。种族在联盟党的合作进一步削弱马来亚共产党的影响力。

#### 4. 2. 4 Pilihan Raya Majlis Bandaran 市镇会选举

1. Tidak seperti pada hari ini, ahli-ahli Majlis sebelum merdeka dipilih melalui pilihan raya oleh penduduk setempat.

不像今天那样，独立前的理事会成员是通过选举被当地人选出来的。

2. Pilihan raya Majlis Bandaran adalah untuk memberi peluang kepada penduduk tempatan menjalankan tanggungjawab mereka ke arah berkerajaan sendiri.

市镇会选举给当地人民提供机会以履行他们迈向自治的职责。

3. Pilihan raya Majlis Bandaran tidak dilaksanakan secara serentak, sebaliknya dijalankan secara satu persatu di bandar-bandar besar di setiap negeri di Tanah Melayu.

市镇会选举没有同时举行，反而是马来亚的大城市单独一个一个举行。

4. Pilihan raya Majlis Bandaran yang pertama telah diadakan di Georgetown, Pulau Pinang pada Disember 1951. Parti Radikal telah memenangi 6 daripada 9 kerusi yang dipertandingkan.

第一次市镇会选举于十二月 1951 年在檳城的 **Georgetown** 举行。在市镇会选举，激进党从 9 个席位赢得 6 个席位。

5. Pilihan raya Majlis Bandaran Kuala Lumpur yang diadakan pada bulan Februari 1952 menjadi perhatian umum kerana buat pertama kalinya terjalin pakatan UMNO-MCA.

于 1952 年 2 月，在吉隆坡举行的市镇会选举得到公众的关注，因为巫统和马华第一次结盟。

6. Dalam pilihan raya tersebut, Dato' Yahya Razak, Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Raya Bahagian UMNO Kuala Lumpur telah bekerjasama dengan Tun H. S. Lee, Pengerusi MCA Selangor. Kerjasama itu telah membolehkan pakatan UMNO-MCA mendapat 9 kerusi daripada 12 kerusi yang dipertandingkan.

在这选举中，**Dato' Yahya Razak**，吉隆坡巫统部的选举委员会主席与敦李孝式（**Lee Hau Shik**），雪州马华主席合作。此次的合作使巫统-马华结盟从 12 个席位获得 9 个席位。

7. Pakatan UMNO-MCA semakin menyakinkan dan diperluaskan ke pilihan raya Majlis Bandaran di bandar-bandar lain. Secara keseluruhannya, pakatan UMNO-MCA memenangi 26 kerusi daripada 37 kerusi Majlis Bandaran yang dipertandingkan.

巫统-马华结盟，逐渐说服扩大到其他城市的市镇会选举。总体而言，巫统-马华结盟从市镇会选举竞选的 37 个的席位赢得了 26 个席位。

Bandar yang terlibat dengan pilihan raya Majlis Bandaran 参与市镇会选举的城市		
• Georgetown	• Alor Star	• Kuala Terengganu 瓜拉登加楼
• Kuala Lumpur 吉隆坡	• Kangar	• Kota Bharu
• Ipoh 怡保	• Johor Bahru 新山	• Melaka 马六甲
• Seremban 芙蓉	• Kuantan 关丹	

8. Kemenangan pakatan UMNO-MCA ini mendorong kerjasama UMNO-MCA di peringkat pusat sehingga melahirkan Perikatan UMNO-MCA pada tahun 1954.

巫统-马华结盟的胜利促进巫统-马华之间在中央级的合作，因此巫统-马华联盟于 1954 年诞生。

9. Pilihan raya Majlis Bandaran yang dilaksanakan di bandar utama di seluruh Tanah Melayu telah menjadi asas yang berguna kepada penduduk tempatan untuk memilih pemimpin dan membentuk kerajaan yang menguruskan pentadbiran negara selepas merdeka.

在马来亚全国主要城市举行的市镇会选举，成为对居民有用的基础以选出的领导者并形成独立后管理国家的政府。

10. Rakyat berpeluang menggunakan hak untuk memilih pemimpin mereka selaras dengan prinsip demokrasi yang akan diamalkan dalam pentadbiran kerajaan Tanah Melayu selepas merdeka.

人民有机会行使权利以选择的领导人符合独立后将在马来亚政府实行民主原则。

#### 4.2.5 Pilihan Raya Negeri 州选举

1. Pilihan raya negeri telah diadakan pada tahun 1954 sebagai langkah memberi peluang yang lebih luas kepada rakyat untuk menentukan kerajaan yang bakal memerintah.

于 1954 年举行的州选举作为一项措施，以给人民更多的机会来决定将来执政的政府。

2. Pilihan raya negeri semakin menyerlahkan kerjasama politik pelbagai kaum melalui Perikatan UMNO-MCA. Ini terbukti apabila dalam pilihan raya ini, Perikatan UMNO-MCA telah memenangi 226 kerusi daripada 268 kerusi negeri yang dipertandingkan.

通过巫统-马华联盟，州选举越来越突出显示各个种族之间的政治合作。这体现在这选举中，巫统马华联盟从选举竞选的 226 个的席位赢得了 268 个席位。

3. Kemenangan tersebut memberi petunjuk bahawa rakyat telah menerima prinsip kerjasama kaum dalam politik di Tanah Melayu. Kemenangan ini juga semakin menonjolkan Parti Perikatan sebagai parti pilihan utama yang akan mengambil alih pentadbiran Tanah Melayu.

这场胜利提示说明人民已经接受马来亚各个种族之间政治合作的原则。这场胜利也强调联盟党作为将接管马来亚的行政管理的首选政党。

#### 4. 2. 6 Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan 联邦立法会选举

1. Desakan agar kerajaan British mengadakan Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan (MPP) semakin hebat. British kemudiannya telah menubuhkan satu Jawatankuasa Pilihan raya pada tahun 1954.

让英国政府举办联邦立法会选举（MPP）的要求日益加剧。英国后来于 1954 年成立一个选举委员会。

2. Jawatankuasa ini dianggotai oleh pegawai kanan British dan wakil parti politik. Jawatankuasa ini mencadangkan 52 kerusi MPP dipilih melalui pilihan raya dan 48 lagi dilantik oleh Pesuruhjaya Tinggi British.

这个委员会的成员包括英国高级官员和政党的代表。这个委员会建议 52 个 MPP 席位通过选举选出，而其余的 48 个则由英国高级专员任命。

3. Parti Perikatan telah menentang cadangan jawatankuasa tersebut dan menuntut 3/5 daripada ahli MPP dipilih melalui pilihan raya. Tunku Abdul Rahman yang mewakili Parti Perikatan telah pergi ke London untuk menuntut kerusi pilihan raya ditambah.

联盟党一直反对这个委员会的建议，并要求 3/5 的 MPP 成员通过选举选出。代表联盟党的东姑阿都拉曼飞往伦敦，要求增加选举的席位。

4. Walau bagaimanapun, Tunku Abdul Rahman terpaksa bersetuju dengan penjelasan Pesuruhjaya Tinggi British yang menjanjikan parti yang menang boleh melantik seramai lima orang ahli MPP tidak rasmi.



然而，东姑阿都拉曼不得不同意与英国高级专员的解释，英国高级专员并答应获胜的政党可以委任共五名非正式的成员 **MPP**。

5. Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan (MPP) telah diadakan pada 27 Julai 1955. Parti-parti politik yang bertanding dibenarkan berkempen selepas upacara penamaan calon pada 15 Julai 1955 untuk menjelaskan manifesto parti masing-masing.

联邦立法会选举（MPP）于 7 月 27 日 1955 年举行。参选的政党允许在 1955 年 7 月 15 日的提名仪式后举办竞选活动以解释各自的宣言。

6. Manifesto merupakan perjuangan parti yang dirancang untuk dilaksanakan apabila kerajaan dibentuk selepas memenangi pilihan raya.

宣言是当政党计划赢得大选并形成政府后执行的奋斗。

7. Dalam kempenya, Parti Perikatan telah mengeluarkan manifesto dengan harapan dapat menarik sokongan rakyat pelbagai kaum.

在竞选活动中，联盟党发出宣言以从希望吸引不同种族的支持。

Manifesto Parti Perikatan dalam Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan 1955

联盟党在 1955 年联邦立法会选举中的宣言

(a) Mendapatkan kemerdekaan dalam tempoh empat tahun.

在四年内获得独立。

(b) Menamatkan pentadbiran darurat.

结束紧急法令治/戒严。

(c) Mewajibkan pelajaran di peringkat sekolah rendah.

强制小学课程。

(d) Menjadikan perkhidmatan awam bercorak tempatan.

让公务员本地化。

(e) Melindungi hak Raja-raja Melayu sebagai Raja Berperlembagaan.

保护马来统治者作为君主宪法制国家的权利。

8. Kerjasama parti pelbagai kaum terus mendapat sambutan rakyat Tanah Melayu apabila Parti Perikatan memenangi 51 daripada 52 kerusi yang dipertandingkan dalam pilihan raya MPP 1955.

多种族政党的合作继续吸引马来亚人民，当联盟党从 1955 年联邦立法会选举 52 个竞选的席位赢得了 51 个席位。

Keputusan pilihan raya MPP 1955		
Parti yang bertanding 参选的政党	Kerusi ditandingi 竞争的席位	Kerusi dimenangi 赢得的席位
Perikatan 联盟党	52	51
Parti Negara 国家党	30	-
Parti Islam Se-Malaya 伊斯兰党	1	1
Liga Melayu Perak 霹雳州马来人联盟	9	-

Parti Buruh 劳工党	4	-
People's Progressive Party 人民进步党	2	-
Parti Bebas 自由党	18	-

9. Kemenangan Parti Perikatan dalam pilihan raya tersebut adalah disebabkan beberapa faktor antaranya:

联盟党在这个选举获胜，是由于多种因素造成的，包括：

(a) Manifesto pilihan raya yang dapat diterima oleh semua kaum.

选举的宣言，可以被所有种族接受。

(b) Sikap tolak ansur parti-parti yang bertanding dalam pembahagian kerusi pilihan raya.

参选政党在分配选举席位中互相迁就。

(c) Kebijaksanaan pemimpin parti melaksanakan perundingan dalam mencari penyelesaian politik.

政党领导人的智慧进行谈判以寻求解决政治的方案。

(d) Kesanggupan setiap kaum untuk berkongsi kuasa dalam politik negara.

每个种族愿意分享国家的政治权力。

(e) Kesepakatan untuk menolak pengaruh Parti Komunis Malaya.

结盟对抗马来亚共产党的影响力。

(f) Semangat untuk mencapai kemerdekaan yang berkobar-kobar.

达成独立的意志很炽盛。

10. Kemenangan Parti Perikatan dalam pilihan raya itu menunjukkan dasar kerjasama kaum dan kerjasama politik adalah pendekatan terbaik bagi masyarakat berbilang kaum seperti di Tanah Melayu.

联盟党在选举中的胜利展现种族合作和政治合作的政策是马来亚这种多元种族社会最佳的方法。

11. Perpaduan yang terjalin dapat memberi ruang kepada pembangunan negara. Semangat kerjasama yang diamalkan oleh Parti Perikatan kini diteruskan oleh Parti Barisan Nasional dalam memerintah negara sehingga ke hari ini.

团结可以让国家发展有很大的空间。通过联盟实行的合作精神，现在被国阵党延续并治理国家到直到今天。

Mesej Focus 消息焦点

Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan yang diadakan pada 27 Julai 1955 merupakan pilihan raya umum tunggal sebelum kemerdekaan. Dalam pilihan raya umum ini, Parti Perikatan terdiri daripada Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO), Persatuan Cina Malaya (MCA), dan Kongres India Se-Malaya (MIC). MIC telah menyertai Parti Perikatan pada tahun 1954, manakala MCA telah bersekutu dengan UMNO dalam pilihan raya Majlis Bandaran Kuala Lumpur pada tahun 1952. Parti Perikatan telah memenangi 51 daripada 52 kerusi yang ditandingkan. Kemenangan ini juga merangkumi 81% daripada jumlah undi. Parti Islam Se-Malaya hanya memenangi satu kerusi di kawasan pilihan raya Krian, Perak.

于 1955 年 7 月 27 日举行的联邦立法会选举，是独立之前唯一的大选。在大选中，联盟党由马来民族统一机构（巫统），马来西亚华人公会（MCA）和马来西亚印度国民大会（MIC）组成。MIC 于 1954 年加入联盟，而马华与巫统于 1952 年的吉隆坡市政议会选举联盟中从 52 个竞选的席位赢得了 51 个席位。这场胜利也覆盖 81% 的投票总数。回教党只在霹雳的 Krian 区赢得了 一个席位。

TRANSLATE BY KONG BJING